

12/07/1999

Fadzil tuduh PM tiru cara Firaun

BAGAN DATOH, Ahad - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, cuba meniru cara pemerintahan Firaun dengan membina kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Menurutnya, tindakan Dr Mahathir itu boleh disamakan dengan tindakan Firaun yang terlalu bangga dan mahu bermegah-megah dengan istana Sungai Nil.

"Firaun terlalu berbangga dengan istananya, jadi Dr Mahathir cuba nak tiru cara Firaun dengan membina tasik buatan dan sungai di sekeliling kediamannya di Putrajaya," katanya ketika memberi ceramah politik di Parit 24, Jalan Hutan Melintang-Bagan Datoh, di sini malam tadi.

"Kezaliman yang dilakukan menjadi kemegahan, bukan kemegahan untuk rakyat tetapi untuknya," katanya.

(END)